

Implikasi Kerja Syif terhadap Kesihatan Pekerja-pekerja Wanita di Kilang Elektronik

Implications of Shift Work on Health of Women Workers in an Electronic Factory

ZAILINA HASHIM dan MAT YUSOF ABD GHANI

*Department of Human Development Studies,
Universiti Pertanian Malaysia,
43400 Serdang, Selangor, Malaysia.*

Key words: Shift work; health effects; women electronic workers.

ABSTRAK

Satu kajian untuk mengkaji implikasi kerja syif kepada kesihatan pekerja-pekerja wanita Melayu telah dilakukan di kilang elektronik Hulu Kelang, Selangor. Kajian perbandingan yang telah dibuat melibatkan pekerja syif dan pekerja biasa. Seramai 100 orang pekerja syif, iaitu lebih kurang 20 peratus daripada jumlah populasi pekerja syif wanita yang berbangsa Melayu, dan 40 orang pekerja biasa iaitu 80 peratus daripada pekerja biasa telah dipilih. Pemilihan sampel secara bertujuan dijalankan terlebih dahulu. Kedua-dua kumpulan responden ini terdiri daripada wanita Melayu yang belum berkahwin dan bekerja sebagai operator pengeluaran kilang. Kemudian, pemilihan secara rawak mudah dilakukan untuk mendapatkan bilangan responden. Maklumat-maklumat diperolehi dengan menggunakan borang soalselidik. Borang soalselidik telah dibentuk khas untuk kajian ini berdasarkan kepada objektif yang ingin dicapai. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden berumur dalam lingkungan 19–22 tahun, berkelulusan setakat sekolah menengah, telah bekerja selama 1–5 tahun dan berpendapatan \$350 – \$400. Ujian statistik menunjukkan ada perbezaan yang signifikan dalam kesihatan pekerja syif dan pekerja biasa. Kerja syif mengganggu corak tidur dan jadual makan pekerja-pekerja. Gangguan ini memberi kesan negatif kepada fisiologi tubuh pekerja. Dari segi emosi, pekerja syif kurang berpuashati dengan keadaan dan sistem pekerjaan mereka. Selain daripada itu, bekerja secara syif juga dapat menjelaskan aktiviti-aktiviti sosial pekerja seperti rekreasi, perhubungan dengan keluarga serta sanak saudara dan kawan-kawan.

ABSTRACT

A study on the health effects of shift work among Malay workers was conducted at an electronic factory in Hulu Kelang, Selangor. The comparative study was done on shift and regular workers. A sample consisting of 100 shift workers which made up 20% of the total shift workers, and 40 regular workers which made up about 80% of the regular workers were selected. Firstly, purposive sampling was done where all the respondents selected were unmarried Malay women who worked as production operators. Later, simple random sampling was carried out to select the respondents. Data was collected using questionnaire based on the objectives. The respondents selected were in the age range, 19–22 years. The respondents had until secondary school level education and had been working from 1–5 years with a monthly income of about \$350 – \$400. Statistical tests revealed significant differences in health of shift and regular workers. Shift work affects their sleeping patterns and mealtime. The disturbance has a negative impact on the physiology of the workers. Emotionally, the shift workers are not satisfied with the working conditions as well as the working system. Besides this, shift work also affects the social activities of workers, such as recreation, relationships with other members of the family, relatives and friends.

PENDAHULUAN

Kerja syif mula diperkenalkan selepas berlakunya revolusi industri (Harrington, 1978). Pada masa dahulu kerja syif hanyalah terhad kepada beberapa jenis pekerjaan sahaja seperti askar, polis, jururawat dan pengawal keselamatan (Walker, 1978). Hari ini setelah wujudnya masyarakat perindustrian, kerja syif telah berkembang dengan pesatnya, terutama dalam bidang-bidang ekonomi dan teknologi (Sergean, *et al.* 1969).

Jumlah pekerja syif juga telah bertambah dari masa ke semasa di seluruh dunia (Maric, 1977). Mengikut Harrington (1978), pertambahan dari segi pekerjaan dan jumlah pekerja yang terlibat dalam kerja syif ini disebabkan oleh 3 faktor utama. Pertama, kerana berlakunya perkembangan yang pesat dalam bidang teknologi yang memerlukan proses operasi yang berterusan. Kedua, untuk memaksimumkan pengeluaran supaya dapat merendahkan kos dan ketiga kerana terdapatnya pertambahan permintaan di bidang perkhidmatan sosial, perubatan, makanan dan lain-lain.

Pertambahan kerja syif ini bukan sahaja dapat memberi lebih banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat, tetapi ia juga dapat membekalkan barang-barang keperluan dan perkhidmatan lain (Sergean, 1971). Ini secara langsung akan dapat mempertingkatkan lagi kualiti kehidupan bagi sesebuah negara atau komuniti itu (West, 1982).

Selain daripada ini, kerja syif akan memberi kesan yang negatif kepada pekerja itu sendiri (Nicholson, *et al.* 1978). Pekerja syif tidak mempunyai masa yang cukup untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sosial dengan masyarakat sekeliling. Corak tidur pekerja tidak tetap akibat masa kerja yang selalu berubah-ubah (Sergean, 1971). Ini dapat mengakibatkan tekanan kepada pekerja kerana tidak ada masa untuk tidur dan rehat yang cukup. Selanjutnya pekerja akan merasa letih dan menjadi lalai semasa bekerja, dan ini dapat menyebabkan kemalangan semasa bekerja (Karbanoff, 1980).

Malaysia telah mengalami proses pembangunan industri yang pesat. Penukaran polisi daripada industri import kepada yang berorientasikan eksport adalah satu langkah untuk mencapai matlamat Rancangan Malaysia Kedua (Singh, 1972). Salah satu langkah yang dijalankan adalah penggalakan pelabur-pelabur asing melabur di Malaysia (Fatimah, 1980). Usaha kerajaan ini telahpun mendapat sambutan daripada pelabur asing dan ramai yang datang mendirikan kilang-kilang mereka.

Banyak kilang contohnya kilang-kilang yang membuat komponen elektronik ditempatkan di bandar-bandar besar. Kilang elektronik menggunakan ramai pekerja wanita. Satu taksiran yang dibuat dalam tahun 1977 mendapati bahawa seramai 35,000 orang pekerja wanita Melayu bekerja di kilang elektronik berbanding dengan hanya 29,000 orang dalam tahun 1970 (Ungku Aziz, 1977).

Pada masa ini kajian yang dibuat ke atas keadaan serta masalah yang berhubung dengan kerja syif di sektor perusahaan berkurangan. Jika keadaan ini berterusan dan tiada langkah-langkah yang tertentu untuk mengatasinya diambil, hasil pengeluaran (productivity) negara ini mungkin akan terjejas kerana ramai tenaga pekerjanya menghadapi masalah kesihatan yang berpunca daripada sistem bekerja secara syif.

Hasil kajian ini akan dapat mengenalpasti kesan pekerja syif terhadap kesihatan fisiologi, sosial dan emosi pekerja. Selanjutnya ia akan menjadi panduan kepada pihak-pihak tertentu sama ada kepada pihak kerajaan, majikan atau persatuan sekerja dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan kerja syif di kilang elektronik.

Objektif khusus di dalam kajian ini adalah seperti berikut: —

- i. Untuk mengenalpasi kesan kerja syif kepada kesejahteraan fisiologi pekerja.
- ii. Untuk mengenalpasi kesan kerja syif kepada aspek sosial pekerja.
- iii. Untuk mengenalpasi kesan kerja syif kepada kesejahteraan emosi pekerja.

HASIL KAJIAN

Latar Belakang Sampel

Responden-responden terdiri daripada golongan muda yang berumur antara 18 – 26 tahun. Taraf pendidikan mereka yang tertinggi adalah di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan. Mereka ini mungkin gagal di dalam peperiksaan ataupun tidak mampu untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Wanita-wanita ini di dalam lingkungan umur muda kerana mereka yang berumur lebih dari 25 tahun akan berkahwin. Apabila sudah berkahwin, mereka akan berhenti kerja kerana hendak menumpukan masa kepada keluarga. Kebanyakan pekerja juga bekerja antara 1 – 5 tahun (Jadual 1). Menurut Jamilah (1979), perkara ini berlaku akibat daripada cara kerja di kilang. Mereka yang bekerja lebih dari 5 tahun mengidap beberapa jenis penyakit seperti rosak

mata, sakit pinggang, batuk dan seringkali mendapat selsema. Pekerja yang tidak dapat memenuhi kuota pengeluaran yang ditetapkan akan dibuang kerja.

Hasil kajian ini juga mendapati pekerja biasa mendapat gaji yang lebih daripada pekerja syif. Ini mungkin kerana pekerja biasa mempunyai peluang yang lebih dan masa yang tertentu untuk melakukan kerja-kerja lebih masa jika dibandingkan dengan pekerja syif.

Kesihatan Fisiologi

Ramai pekerja syif menyuarakan bahawa masa makan mereka terganggu apabila mereka bekerja secara syif (Jadual 2). Jadual kerja yang selalu berubah-ubah dan waktu malam yang tidak bersesuaian juga telah mengganggu selera makan mereka (Jadual 3).

JADUAL 1
Jangka masa bekerja

Jangka masa dalam tahun	Bilangan (Peratus)	
	Pekerja syif	Pekerja biasa
0 – 1	20 (20%)	8 (20%)
1 – 3	35 (35%)	14 (35%)
3 – 5	37 (37%)	13 (32.5%)
5 – 7	7 (7%)	3 (7.5%)
7 – 9	1 (1%)	2 (5%)
Jumlah	100 (100%)	40 (100%)

JADUAL 2
Faktor yang mengganggu masa makan

	Bilangan (Peratus)	
	Pekerja syif	Pekerja biasa
Jadual kerja selalu berubah	42 (71.2%)	—
Waktu makan tidak bersesuaian	17 (28.8%)	—
Lain-lain	—	(100%)
Jumlah	59 (100%)	2 (100%)

Sebanyak 47 peratus pekerja syif pula mengatakan kerja syif waktu malam telah mengganggu jadual tidur mereka. Pekerja-pekerja ini juga bersungut kerana tidak dapat menggantikan tidur mereka pada siang hari, kerana sebab-sebab seperti kepanasan, kebisingan, cahaya yang terang dan gangguan ahli keluarga/kawan (Jadual 4).

Daripada *Gambarajah 1*, peratus yang mengalami masalah kesihatan adalah tinggi. Masalah kesihatan yang menjadi rungutan adalah pening kepala, terasa mual, selsema, mengantuk semasa bekerja, sakit di bahagian perut dan selalu merasa penat.

Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa kerja syif menjelaskan taraf kesihatan fisiologi pekerja-pekerja. Masa tidur yang tidak

cukup dan makan yang kurang disebabkan selera makan terganggu mengakibatkan daya ketahanan tubuh pekerja akan menurun. Kemungkinan pekerja-pekerja mendapat jangkitan penyakit, lebih besar.

Ujian statistik (ANOVA) mendapati bahawa syif mempengaruhi taraf kesihatan pekerja. Di sini dapat dirumuskan bahawa pekerja syif lebih menghadapi masalah kesihatan fisiologi jika dibandingkan dengan pekerja biasa.

Keadaan Sosial Pekerja

Kebanyakan responden tinggal berdekatan dengan tempat kerja mereka. Di samping itu, pihak kilang ada menyediakan berbagai kemudahan seperti perkhidmatan bas, klinik dan


TABLE 3
Selera makan

Gangguan selera makan	Bilangan (Peratus)	
	Pekerja syif	Pekerja biasa
Selalu	23 (23%)	3 (7.5%)
Kadang-kadang	73 (73%)	25 (52.5%)
Tidak Pernah	4 (4%)	12 (30%)
Jumlah	100 (100%)	40 (100%)

JADUAL 4
Sebab-sebab gangguan tidur di waktu siang

Sebab-sebab	Bilangan (Peratus)	
	Pekerja syif	Pekerja biasa
Kepanasan	37 (37%)	5 (12.5%)
Kebisingan	22 (22%)	4 (10%)
Gangguan ahli keluarga/kawan	12 (12%)	7 (17.5%)
Cahaya yang terang	16 (16%)	2 (5%)
Lain-lain	1 (1%)	
Tidak jawab	22 (22%)	22 (55%)
Jumlah	100 (100%)	40 (100%)

KESAN KERJA SYIF KE ATAS KESIHATAN PEKERJA KILANG ELEKTRONIK



Gambarajah 1: Carta perbandingan masalah kesihatan di kalangan pekerja syif dan pekerja biasa

tempat bersukan. Kemudahan untuk aktiviti-aktiviti seperti sukan, kebudayaan, agama dan pertolongan cemas juga disediakan oleh pihak majikan kepada pekerja selepas waktu kerja.

Jadual 6 menerangkan penglibatan pekerja syif dan pekerja biasa dalam aktiviti-aktiviti tersebut. Penglibatan pekerja syif kurang memuaskan jika dibandingkan dengan pekerja biasa. Malah ada di antara pekerja biasa yang melibatkan diri lebih daripada satu aktiviti yang disediakan.

Mengikut kajian oleh Harrington (1978), Maurice (1976) dan Sergean (1971), pekerja syif tidak mempunyai masa yang cukup untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sosial, walaupun mereka berminat dalam aktiviti tersebut. Kebanyakan masa pekerja syif hanya ditumpukan kepada pekerjaan mereka tanpa memberi perhatian kepada hal-hal lain yang berkaitan dengan masyarakat. Pekerja syif hanya bergaul

dengan kawan yang bekerja sekumpulan dengan mereka dan tidak mempunyai pergaulan sosial yang lebih luas. Di kalangan pekerja biasa kawan-kawan mereka terdiri daripada orang-orang luar.

Pekerja-pekerja syif jarang keluar dengan kawan-kawan luar tempat kerja kerana jadual kerja mereka selalu berubah-ubah dan kadang-kadang mereka terpaksa bekerja di waktu malam. Dengan ini pergaulan sosial mereka terhad. Pekerja syif juga kurang mempunyai peluang dan masa yang sesuai untuk melawat keluarga di kampung kerana kadang-kadang mereka terpaksa bekerja pada hari minggu atau pada hari cuti kelepasan am. Di sini dapat kita melihat bahawa kerja secara syif ini menjelaskan pergaulan sosial pekerja. Aktiviti sosial mereka terhadap bukan saja di tempat kerja malah di tempat kediaman. Ujian statistik chi-square menunjukkan perbezaan di antara kedua 'aktiviti' sosial pekerja-pekerja ini.

Bahagian Emosi

Sebanyak 75 peratus pekerja syif tidak berpuas hati dengan sistem kerja yang mereka amalkan. Jadual 7 menyuarakan sebab-sebab mengapa mereka tidak berpuashati dengan pekerjaan mereka. Pada keseluruhannya, ciri-ciri kerja syif seperti jadual kerja yang selalu berubah-ubah dan jumlah masa bekerja yang panjang telah menyebabkan ketidakpuasan di kalangan pekerja syif. Walau bagaimanapun dari segi gaji dan kemudahan, tidak ada sungut-an daripada mereka.

Ujian statistik menunjukkan bahawa pekerja syif memang menghadapi tekanan emosi. Ini kerana bilangan cuti rehat dan cuti sakit yang terhad, pekerjaan yang tidak tetap/stabil, jadual kerja yang berubah-ubah, pekerja-

an yang membosankan dan status pekerjaan yang rendah. Ujian statistik yang signifikan menunjukkan ada perbezaan di antara pekerja syif dan pekerja biasa tentang kesejahteraan emosi.

KESIMPULAN

Penglibatan kaum wanita dalam kerja syif secara langsung telah memberi kesan kesihatan kepada mereka. Kesan ini melibatkan konflik dalam aktiviti sosial dan fungsi fisiologi tubuh pekerja kerana dalam pekerjaan syif ini, masa kerja senantiasa berubah-ubah, seringkali memerlukan perubahan kepada masa makan, tidur dan corak aktiviti harian mereka. Dari segi kesihatan fizikal, responden juga bersungut seringkali mendapat penyakit seperti pening kepala, batuk, selsema, rasa mual, sakit di baha-

JADUAL 6
Penglibatan di tempat kerja

	Bilangan (Peratus)	
	Pekerja syif	Pekerja biasa
Sukan	29 (29%)	21 (52.5%)
Kebudayaan	6 (6%)	19 (47%)
Ugama	18 (18%)	5 (12.5%)
St. John	17 (17%)	11 (25.5%)
Tidak menyertai	30 (30%)	—

 $X^2 = 15.4$

Darjah Kebebasan = 5

*Signifikan pada $p > 0.05$

JADUAL 7
Sebab tidak berpuashati dengan sistem kerja

	Bilangan (Peratus)	
	Pekerja syif	Pekerja biasa
Masa kerja dan masa rehat yang selalu berubah	24 (32%)	—
Terpaksa bekerja malam	12 (16%)	—
Kurang masa untuk berehat dan bergembira	19 (25.3%)	—
Terpaksa bekerja di hujung minggu	14 (18.67%)	—
Tak tahu	6 (8%)	3 (7.5%)

 $F = 27.16*$ *Signifikan pada $p > 0.05$

gian perut dan pinggang, kepenatan dan sakit mata.

Selain daripada itu, pekerja syif juga mendapat tekanan emosi akibat daripada ketidakpuasan terhadap sistem pekerjaan mereka. Sifat-sifat semula jadi wanita seperti tidak berani berbicara atau melawan, tekun dan sabar menyebabkan perasaan ini terpendam di dalam diri mereka. Mereka juga tidak digalakkan menyeretai/menubuhkan kesatuan pekerja untuk menyuarakan bantahan mereka. Keadaan ini lama kelamaan akan menjadikan keadaan mental mereka. Kejadian hysteria di kalangan pekerja kilang wanita yang sering kita dengar mungkin disebabkan oleh tekanan emosi dan mental berpunca daripada keadaan pekerjaan mereka (Lee, 1983).

Sudah menjadi kenyataan bahawa penglibatan wanita dalam tenaga buruh terutama di sektor perusahaan telah meningkat dengan pesat dan kumpulan ini memainkan peranan yang penting di dalam perkembangan ekonomi negara. Dengan ini, perhatian yang lebih rapi adalah perlu diberi kepada kumpulan ini. Kajian-kajian yang lebih mendalam dan menyeluruh penting untuk mengetahui keadaan kesihatan pekerja-pekerja ini. Hasil kajian ini kelak akan dapat membantu pihak-pihak tertentu seperti kerajaan, Persatuan Sekerja dan majikan di dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan kerja syif.

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kerjasama Dr. K.G. Rampal, Jabatan Kesihatan Masyarakat, Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga pihak kilang yang memberikan kebenaran untuk menjalankan kajian ini.

RUJUKAN

- FATIMAH DAUD. (1980): Women in industry-an inquiry into the attitudes of Malaysian society towards the participations *Ilmu Masyarakat*, **20**: 10 - 15.
- HARRINGTON, J.M. (1978): *Shiftwork and Health*. London H.M. Stationery Office.
- JAMILAH ARIFFIN. (1979): Pembangunan dan perindustrian, penghijrahan gadis desa ke kilang dan masalah-masalah yang berkaitan. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Pembangunan 25 - 27 Jan. 1980, Morib, Selangor.
- KARBANOFF, B. and G.E. O'BRIEN. (1980): Work and leisure. A task attributes analysis. *J. Appl. Psych.* **65**: 596 - 605.
- LEE, R. (1983): Hysteria among factory workers. *Malaysian Women; Problem and Issues*. Consumer Association of Penang, Penang.
- MARIC, D. (1977): *Adapting Working Hours to Modern Needs*. Geneva: International Labour Organization.
- MAURICE, M. (1976): *Shiftwork: Economic Advantages and Social Cost*. Geneva: International of Labour Organization.
- NICHOLSON, N., P. JACKSON and G. HOWES. (1978): Shiftwork and Absence: An Analysis of Temporal Trends. *J. Occup. Psych.*, **51**: 127 - 137.
- SERGEAN, R., D. HOWELL, P.J. TAYLOR and S.J. POCOCK. (1969): Compensation for inconvenience: An analysis of shift payments in collective. Agreement of the U.K. *J. Occup. Psych.*, **43**: 98 - 105.
- SERGEAN, R. (1971): *Managing Shiftwork*. London: Gower Press Ltd.
- SINGH, H.K. (1972): Masalah dan harapan ekonomi Malaysia, Kuala Lumpur: Maricon and Sons (M) Sdn. Bhd.
- UNGKU AZIZ. (1977): *Menubuhkan Hawa Demi Kebajikan Pekerja Wanita Melayu Baru*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- WALKER, K.J. (1978): *The Human Aspect of Shift-work*. Kuala Lumpur Pitman Press.
- WEST, J. (1982): *Women and the Labour Market*. USA: Routledge and Kegan Paul Ltd.

(Received 29 October, 1985)